



## KENYATAAN MEDIA

### PERKESO TIDAK BERKOMPROMI DENGAN MAJIKAN YANG SALAH GUNA BANTUAN KERAJAAN

**KUALA LUMPUR** – Program Subsidi Upah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah menerima sebanyak **307,171 permohonan** daripada majikan yang mewakili **2.49 juta pekerja** sehingga 3 Jun 2020.

Majikan perusahaan mikro dan kecil adalah yang paling banyak mendapat manfaat daripada program ini, seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 27 Mac 2020.

Daripada permohonan yang diterima, PERKESO telah **meluluskan 288,544 permohonan** dan selebihnya masih dalam tindakan, berada di peringkat kuiri, ataupun ditolak kerana tidak memenuhi syarat-syarat program.

Jumlah permohonan mengikut saiz majikan berdasarkan jumlah tenaga kerja, di antara 1 April sehingga 3 Jun 2020, adalah seperti berikut:

Saiz Majikan	Permohonan	Pekerja terlibat
<b>≤75 pekerja</b>	<b>298,127</b>	<b>1,827,909</b>
<b>76 - 200 pekerja</b>	<b>6,688</b>	<b>355,149</b>
<b>≤201 pekerja</b>	<b>2,356</b>	<b>307,475</b>
<b>Jumlah</b>	<b>307,171</b>	<b>2,490,533</b>

Daripada jumlah tersebut, **283,986 majikan** telah mendapat **bayaran pertama** PSU; manakala **169,322 majikan** telah mendapat **bayaran kedua**.

Pekerja boleh menyemak sama ada majikan mereka telah mendapat bayaran PSU melalui senarai di pautan <https://prihatin.perkeso.gov.my/psu/>.

PERKESO ingin menegaskan bahawa majikan yang telah menerima bayaran PSU dan Program Pengekalan Pekerjaan, perlu menyalurkannya kepada pekerja-pekerja yang layak.

Pencarum boleh membuat aduan kepada PERKESO terhadap majikan jika mereka tidak atau belum lagi menerima bantuan tersebut.

Aduan boleh dibuat melalui hotline PERKESO atau hadir ke mana-mana Pejabat PERKESO berdekatan.

Tindakan penguatkuasaan boleh diambil terhadap majikan yang tidak bertanggungjawab.

PERKESO tidak akan berkompromi dengan mana-mana majikan yang menyalahgunakan bantuan kerajaan, kerana matlamat kerajaan menerusi Pakej Rangsangan PRIHATIN yang sedang dilaksanakan adalah bertujuan meringankan beban majikan dan pekerja.

Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi PERKESO melalui emel [aduansip@perkeso.gov.my](mailto:aduansip@perkeso.gov.my) ATAU di talian 1-300-22-8000.

**#StayActiveStayHealthy**

**DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED**

**KETUA EKSEKUTIF**

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**

**4 JUN 2020**

**DISCLAIMER** PERKESO tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungan bagi apa-apa kerugian yang terbit dalam kontrak, tort atau sebaliknya atas penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN 2020 yang melibatkan PERKESO seperti Program Subsidi Upah, Program Pengekalan Pekerjaan dan Program Saringan Prihatin PERKESO atau program-program lain yang berkaitan dengannya dan tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungan sekiranya penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan tersebut dilakukan oleh mana-mana pihak yang tidak diberi kuasa secara bertulis oleh PERKESO. PERKESO memandang serius terhadap keselamatan data peribadi dan meminta semua pihak supaya mematuhi peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkait dengan perlindungan data peribadi.